

13

SOALAN NO: 13

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID

TARIKH: 9 NOVEMBER 2017

SOALAN:

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [ Kuala Kangsar ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah industri-industri yang dikenal pasti melalui 5 lonjakan TVET iaitu lonjakan kedua, satu sinergi memperkukuhkan dan memperhebatkan kerjasama strategik awam dan industri.

PR-1353-L03077

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11), bagi meningkatkan pembangunan modal insan yang berpengetahuan, berkemahiran dan memiliki sifat positif dalam ekonomi global, TVET dikenal pasti sebagai pemacu perubahan bagi menghasilkan modal insan berkemahiran. Sebanyak 60% daripada pekerjaan yang akan diwujudkan dijangka memerlukan kemahiran TVET.
  
2. Selaras dengan RMK-11 ini, Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Tenaga Manusia telah memberi penekanan latihan kepada sektor-sektor seperti Sektor Perkhidmatan iaitu dalam bidang Elektrikal, Elektronik dan Automotif; Sektor Pengangkutan terutama dalam Industri Keretapi; Sektor Pembuatan dalam membuat komponen kapal terbang berasaskan bahan komposit; Sektor Minyak dan Gas dan Sektor Pembinaan dalam bidang *Scaffolding*.
  
3. Dalam usaha memperkukuhkan lonjakan transformasi TVET, KSM melalui Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) mempergiatkan Kerjasama Strategik Awam dan Industri atau *Public-Private Partnership* (PPP). Sehingga Oktober 2017, sebanyak 43 MOU telah ditandatangani, sebanyak 132 Kerjasama Strategik dengan pihak industri telah dijalinkan. Dalam Sektor Minyak dan Gas, antara

15

kerjasama adalah antara PETRONAS dengan Institut Latihan Perindustrian (ILP) di ILP Pasir Gudang, ILP Miri, ILP Kota Kinabalu dan ILP Mersing dalam bidang kimpalan di mana pihak PETRONAS telah menyumbang peralatan dan bahan latihan bagi melatih jurukimpal yang mahir sejak dari 2008 sehingga sekarang. Dalam Sektor Perkhidmatan bidang Elektrik dan Elektronik, Samsung Malaysia Electronics juga telah menubuhkan Samsung Tech Academy di ILP Kuala Lumpur bagi melatih tenaga mahir dalam bidang elektronik dan telekomunikasi. Daikin Malaysia Sdn Bhd dan Malaysia Air Conditioning & Refrigeration Association (MACRA) dalam bidang Perkhidmatan Teknologi Penyejukan Dan Penyamanan Udara. Dalam Sektor Pembuatan, CTRM Aero Composites juga melatih tenaga kerja mahir di bidang komposit melalui kerjasama dengan Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera. Bagi Sektor Pengangkutan pula, melalui projek mega seperti Projek laluan Rel Pantai Timur (ECRL), Projek High Speed Rail (HSR) KL- Singapura, Projek MRT II dan Projek LRT 3, JTM dalam peringkat awal menjalinkan kerjasama dengan Gamuda Berhad bagi melatih tenaga mahir melalui kerjasama dengan Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera.